

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah yang telah dilaksana dan perancangan masa hadapan oleh MAFI bagi memastikan kelestarian rantai bekalan makanan terjamin dan tidak terputus.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dilaksana oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan rantai bekalan makanan terjamin adalah seperti berikut:

- i. merancang aktiviti pengeluaran makanan dengan pemberian subsidi dan insentif input tanaman seperti benih, baja dan racun khususnya untuk tanaman utama seperti padi;
- ii. meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang, pengaliran dan saluran kawasan sawah padi serta kompleks dan jeti pendaratan ikan;
- iii. meningkatkan kecekapan rantai bekalan melalui pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan, pengedaran dan pemasaran serta kemudahan logistik dan pengangkutan;
- iv. memperluas akses pasaran petani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet serta menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shoppe; dan
- v. menyediakan bantuan dan sokongan kepada pengeluar makanan seperti geran dan pinjaman bagi meningkatkan pengeluaran melalui mekanisasi dan automasi. Dalam hal ini, Skim Pembiayaan Mikro Kredit dengan kemudahan pembiayaan sehingga maksima RM50,000 untuk tempoh sehingga 5 tahun dengan kadar faedah 3.5% setahun telah ditawarkan oleh Agrobank di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Sehubungan itu, perancangan masa hadapan oleh MAFI bagi memastikan kelestarian rantai bekalan makanan terus terjamin adalah seperti berikut:

- i. mendukung pemodenan dan digitalisasi rantai nilai agromakanan dengan menerapkan elemen IR4.0 seperti *internet of things* (IoT), *big data* dan *artificial intelligence* (AI);
- ii. menggalakkan penyertaan swasta dalam sektor agromakanan dengan memperluas skop insentif pelaburan seperti industri benih dan perikanan laut dalam;
- iii. membangunkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan bakat untuk memenuhi keperluan industri;
- iv. meningkatkan amalan pertanian baik dan mengurangkan kehilangan pasca tuai serta pembaziran makanan di sepanjang rantai nilai dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber; dan
- v. memperkemas dan memperkukuh tadbir urus industri agromakanan termasuk aspek guna tanah, kewangan dan ekosistem perniagaan.

Perancangan di atas akan direalisasikan melalui program dan projek dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk merangka dasar sekuriti makanan yang holistik. Menerusi platform ini, satu pelan tindakan khusus bagi meningkatkan kemampunan sistem makanan dan rantai bekalan makanan iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 telah dibangunkan dan akan dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi dan kementerian lain. Sekian, terima kasih.